

SOALAN

5. Baca pernyataan berikut :

Vertebrata darat bersaiz besar mempunyai tulang yang besar, padat dan kuat kerana badannya disokong oleh rangka dalam tetapi burung mempunyai tulang yang berongga.

Tulang berongga lebih kuat daripada tulang yang padat.

a. i) Nyatakan satu pernyataan masalah daripada maklumat di atas.

[1 markah]

ii) Cadangkan satu hipotesis untuk menyiasat pernyataan di atas.

[1 markah]

b. Menggunakan penutup kotak, pita selofan, gunting, buku teks dan radas lain, huraikan satu eksperimen untuk menguji hipotesis di 5a (ii) berdasarkan kriteria berikut :

i) Tujuan eksperimen

ii) Mengenalpasti pemboleh ubah

iii) Prosedur atau kaedah

iv) Penjadualan data.

[8 markah]

JAWAPAN

Pernyataan masalah : Adakah tulang berongga lebih _____ daripada tulang yang padat?

Hipotesis : Tulang _____ lebih kuat daripada tulang yang _____.

Tujuan eksperimen : Untuk mengkaji silinder berongga dan silinder padat dengan bilangan buku teks yang dapat disokong oleh gulungan silinder.


Pemboleh ubah

dimanipulasikan : _____


bergerak balas : _____

dimalarkan : _____

Prosedur



Model A



Model B

* _____ buku teks yang boleh disokong dicatat dan direkodkan dalam jadual.

Penjadualan data

_____	_____
Silinder berongga	
Silinder padat	